

19 NOV 1997

PELABUR INSTITUSI TEMPATAN DISERU PELOPORI USAHA RANGSANG SENTIMEN

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Pelabur-pelabur institusi tempatan seharusnya mempelopori usaha untuk memperbetulkan sentimen pasaran tempatan yang lemah sekarang ini dan membantu memulihkan Bursa Saham Kuala Lumpur, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr. Affifuddin Omar hari ini.

"Kita harus mempunyai keyakinan terhadap kekuatan kita kerana asas-asas ekonomi sememangnya kukuh seperti yang digariskan dalam Belanjawan 1998 yang diumumkan baru-baru ini," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini.

Beliau menyebut kejatuhan di Wall Street sebagai contoh. Walaupun jatuh sebanyak 500 mata, ia berupaya pulih semula dan mengukuh pada hari berikutnya berikutan belian oleh pelabur korporat yang besar.

Harga-harga saham di BSKL ditutup susut mendadak hari ini ekoran jualan terpaksa yang menyaksikan Indeks Komposit, pada satu ketika, jatuh ke bawah paras 600 mata pada tahap terendah 588.13.

Bagaimanapun, ia pulih sebanyak 18.60 mata dan ditutup pada 603.49 mata ekoran lantunan teknikal.

Di Parlimen hari ini, satu usul telah dibentangkan bagi melahirkan sokongan penuh Dewan itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan bagi membantah penyiasatan AS terhadap pelaburan perbadanan minyak nasional, Petronas, di Iran.

Usul tersebut dibentangkan ekoran satu resolusi deraf oleh sekumpulan ahli Kongres Amerika yang menuntut supaya Dr Mahathir meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan berhubung kenyataannya yang didakwa menyentuh tentang pakatan jahat Yahudi dalam spekulasi matawang Asia Tenggara.

Mengenai percubaan AS untuk menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya 1996 terhadap Petronas kerana melabur lebih daripada AS420 juta dalam projek gas di Iran, Dr Affifuddin berkata langkah Washington itu merupakan keputusan sehalu yang melanggar hak orang lain.

Katanya ia merupakan satu bentuk imperilisme moden yang menggunakan kuasa ekonomi sebagai pengaruh untuk menghalang negara-negara lain daripada berbuat sesuatu.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang membentangkan usul tersebut, telah menekankan bahawa dalam semangat perdagangan bebas, memang ada forum yang bersesuaian seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk membincangkan isu tersebut.

Dengan yang demikian apa yang dilakukan oleh AS itu ialah memperkenalkan undang-undang yang digunakan di Amerika tetapi dikuatkuasakan ke atas orang lain, katanya.

Dr Affifuddin berkata tindakan itu tidak akan menjejaskan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat ... "Saya lebih menganggapnya sebagai satu kontroversi antarabangsa dan saya harap Amerika akan menghormati perasaan negara lain (mengenai isu) berkaitan kedaulatan mereka." -- BERNAMA

MK KY MA